

PENDAFTARAN PROGRAM TADABBUR AL-QURAN UNISSA DIBUKAKAN

"Memahami & Menghayati Al-Qur'an"

PROGRAM TADABBUR AL-QUR'AN
(SECARA DALAM TALIAN)
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TEMPOH PROGRAM

6 MINGGU (SETIAP HARI AHAD)
JAM : 8.30 - 10.00 PAGI

YURAN PENYERTAAN

\$40 BAGI SETIAP MODUL

UNTUK PENDAFTARAN

25 TARIKH TUTUP PENDAFTARAN
SEPTEMBER 2021

03 TARIKH MULA PROGRAM
OKTOBER 2021

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam

☎ 246 2000 ext 204/202
☎ +6738254374 (Telefon / Whatsapp)
✉ CaL@unissa.edu.bn
🌐 CentreforLeadership AndLifelong Learning

SCAN ME

**Siaran Akhbar dan Infografik :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat menawarkan Program Tadabbur Al-Quran untuk orang ramai bagi sesi bulan Oktober 2021 secara dalam talian.

Program Tadabbur Al-Quran bagi sesi Oktober ini akan diadakan selama 6 minggu, iaitu pada setiap Ahad, bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi (1 jam 30 minit). Modul yang ditawarkan bagi sesi Oktober 2021 ialah modul Surah Al-Mulk dan Surah Al-Sajdah.

Adapun tujuan Program Tadabbur Al-Quran ini khusus diadakan adalah untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada Al-Quran melalui rujukan dan kitab-kitab

tafsir yang muktabar. Ini selaras dengan konsep Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang ingin mendaftar boleh melayari link berikut : <https://bit.ly/PTQC4L>.

Tarikh akhir pendaftaran adalah pada Sabtu, 25 September 2021, jam 4.30 petang.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program tersebut, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 8254374 atau layari laman sesawang www.unissa.edu.bn atau menghantar e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.

Sertailah Pertandingan Mari Bercerita

Siaran Akhbar dan Infografik : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 September. - Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membekalkan penyertaan bagi kanak-kanak yang berminat untuk menyertai Pertandingan Mari Bercerita dengan tema

Pertandingan dibuka kepada kanak-kanak, berumur di antara 8 hingga 12 tahun, di mana format penyampaian adalah dalam bentuk cerita dan irama dan mereka perlu membuat rakaman video yang berdurasi di antara 5 hingga 7 minit.

Boyang penyertaan dan

syarat-syarat pertandingan boleh didapati dengan mengimbas Kod QR yang disertakan atau melalui pautan www.librarybrunei.gov.bn/library/dbp/borang/.

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 30 September 2021.

Jika awda menerima notifikasi ini melalui Aplikasi BruHealth:

"Data BruHealth awda menunjukkan awda mungkin telah terdedah kepada satu kes Covid-19. Sila hadir ke Pusat Ujian terdekat untuk melakukan ujian swab secepat mungkin."

Awda dikehendaki untuk segera pergi ke mana-mana Klinik Ujian Swab COVID-19 yang berdekatan untuk menjalankan ujian.

فترتند ليغن ماري برچریتا

PERTANDINGAN MARI BER CERITA

ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

BAHASAKU!

Tarikh tutup:
30 September 2021

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan syarat-syarat pertandingan dan borang penyertaan

- ✓ TERBUKA KEPADA KANAK-KANAK BERUMUR 8 - 12 TAHUN
- ✓ FORMAT PENYAMPAIAN ADALAH DALAM BENTUK CERITA DAN IRAMA
- ✓ RAKAMAN VIDEO 5 - 7 MINIT

www.librarybrunei.gov.bn/library/dbp/borang/

@perpustakaanbpbpsb @perpustakaan.bsb@dbp.gov.bn +673 8266880

Tatacara pesanan pembelian buku DBP

Siaran Akhbar dan Infografik : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 September. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan orang ramai mengenai

tatacara pesanan pembelian terbitan DBP.

Pelanggan yang berhasrat membuat pembelian secara dalam talian perlu memilih judul buku juga mengetahui harga buku tersebut imbas Kod QR untuk melihat katalog buku terbitan DBP yang tertera di infografik dan setelah membuat pemilihan buku, pelanggan dikehendaki untuk menghubungi atau WhatsApp menerusi talian +673 7293570.

Pembayaran bolehlah dibuat melalui BIBD perbankan digital (*online transfer*) selepas itu tangkap layar (*screenshot*) transaksi dan kirim ke talian +673 7293570. Buku awda akan diletakkan di meja luar lobi pintu masuk utama (kawasan letak kereta hadapan DBP) mengikut waktu perjanjian ditetapkan.

Pelanggan adalah diperingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP semasa mengambil buku yang sudah ditempah. Sebarang langkah pengawal dalam menangani penularan wabak COVID-19 dan tiada sebarang perjumpaan fizikal di antara pelanggan dengan penjual buku DBP. Kerjasama awda amat dihargai.

ديوان بهاس دان قوستاك بروني
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

تاتاجارا قسنن قمبلين تربيتن دي. بي. قي.
TATACARA PESANAN PEMBELIAN TERBITAN DBP

- 1 Imbas kod QR untuk Katalog Buku Terbitan DBP;
- 2 Hubungi atau WhatsApp ke talian 7293570 untuk pesanan buku dan mengetahui tatacara pembayaran;
- 3 Buat pembayaran melalui BIBD perbankan digital (*online transfer*);
- 4 Tangkap layar (*screenshot*) transaksi dan kirim ke talian 7293570;
- 5 Buku awda akan diletakkan di meja di luar lobi pintu masuk utama [kawasan letak kereta hadapan DBP] mengikut waktu perjanjian ditetapkan.

Awda dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi SOP semasa mengambil buku yang sudah ditempah. Sebagai langkah pengawal dalam menangani penularan wabak COVID-19, TIADA sebarang perjumpaan fizikal antara Pelanggan dengan Penjual Buku DBP. Kerjasama awda amat dihargai. Terima kasih.

#COVID-19 #taranahdrumah #bersamamelindungi #ubayaubaya

+673 230 2511 +673 238 1817 @dbpbrunei Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
+673 729 3570 www.dbp.gov.bn @kedaibukudbp penerbitan.dbp@dbp.gov.bn